

15 NOV 1999

Ting-Bendera

SEMUA BILIK GERAKAN PILIHAN RAYA MCA GUNA BENDERA BN

KUALA LUMPUR, 15 Nov (Bernama) -- MCA hanya akan menggunakan bendera Barisan Nasional (BN) dan Jalur Gemilang di semua bilik gerakan pilihan rayanya di seluruh negara, kata Setiausaha Agung MCA Datuk Dr Ting Chew Peh.

Ting yang juga Pengerusi Jawatankuasa Pemandu Pilihan Raya Umum MCA, berkata keputusan itu selaras dengan arahan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad selaku Pengerusi BN yang mahu semua parti komponen menggunakan simbol BN, dacing sahaja.

"Selaras dengan itu kami telah membuat keputusan iaitu dalam pilihan raya ini bendera yang akan digunakan ialah bendera BN dan bendera kebangsaan sahaja," katanya kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat jawatankuasa itu.

Mengenai kenyataannya semalam bahawa Menteri, Timbalan Menteri dan Setiausaha Parlimen daripada kalangan anggota MCA akan menjelajah ke seluruh negara bagi membantu calon BN, Ting berkata beliau akan mengeluarkan arahan rasmi mengenai perkara itu sedikit masa lagi.

Beliau berkata bagaimanapun pihaknya tidak bercadang menetapkan secara khusus mengenai negeri dan bahagian BN yang akan dilawati Menteri, Timbalan Menteri dan Setiausaha Parlimen terbabit.

"Terpulanglah kepada calon-calon BN. Kalau calon berkenaan yakin dia boleh menang tanpa bantuan daripada Menteri dan Timbalan Menteri... tak payahlah jemput mereka untuk berceramah," katanya.

Ditanya mengenai mesyuarat hari ini, Dr Ting berkata ia bertujuan meninjau persediaan yang telah dibuat oleh bilik gerakan pilihan raya MCA peringkat negeri dan bahagian di seluruh negara.

"Jawatankuasa ini bertanggungjawab menyelia dan menyelaras semua bilik gerakan yang dikendalikan oleh MCA dan akan memberi bantuan jika pihak terbabit memerlukan maklumat bagi menangkis segala isu yang dibangkitkan oleh parti pembangkang, khususnya yang berkaitan kaum Cina," katanya.

Menurutnya, mesyuarat pada hari ini juga bersetuju untuk memberi ingatan kepada anggota-anggota MCA supaya bekerja bersungguh-sungguh bagi memastikan semua calon MCA dan BN menang dalam pilihan raya.

-- BERNAMA

NY NMO